

**Parlimen: Pengeluaran Hak Milik Strata, Pemilikan Kosong Diberi Secara Serentak Bernama  
26 September, 2012**

KUALA LUMPUR, 26 Sept (Bernama) -- Pengeluaran hak milik strata dan pemilikan kosong atau 'vacant possession' yang sebelum ini dibuat secara berasingan, akan diberikan secara serentak dengan lulusnya Rang Undang-Undang Hak Milik Strata (Pindaan) 2012.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Douglas Uggah Embas berkata rang undang-undang itu yang diluluskan di Dewan Rakyat di sini Rabu, dijangka dapat mengatasi masalah permohonan dan pendaftaran hak milik strata bagi bangunan lama yang diduduki sebelum 1996.

Rang Undang-undang ini merupakan penambahbaikan kepada Akta Hakmilik Strata 1985 yang dipinda sebanyak empat kali iaitu 1990, 1996, 2001 dan terakhir pada 2007.

Katanya, selama 27 tahun pelaksanaan akta berkenaan, pentadbiran tanah di seluruh negara berjaya mendaftarkan lebih 970,000 hak milik strata yang mengandungi lebih daripada 15,000 skim bangunan berbilang tingkat.

"Dalam pada itu, kementerian akan mengenakan hukuman yang lebih berat bagi mencegah pemaju yang gagal dan ingkar menunaikan tanggungjawab mengemukakan permohonan hak milik strata," katanya ketika menggulung perbahasan Rang Undang-Undang Hak Milik Strata (Pindaan) 2012, bacaan kali kedua.

Uggah berkata Seksyen 8 akta itu membolehkan pihak berkuasa negeri mengambil tindakan penguatkuasaan kepada pemaju yang gagal memohon termasuk bangunan-bangunan lama.

Katanya, kegagalan mematuhi kehendak Seksyen 8 ini membolehkan tuan tanah atau pemaju dikenakan denda maksimum RM100,000 atau dijatuhkan hukuman penjara maksimum tiga tahun, atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Uggah menjelaskan terdapat tiga punca utama yang menyebabkan kegagalan sesuatu permohonan dan pendaftaran hak milik strata iaitu masalah tanah, bangunan dan tuan tanah atau pemaju.

Turut diluluskan hari ini, Rang Undang-Undang Perubatan Tradisional dan Komplementari 2012, yang antara lain bagi memastikan setiap pengamal perubatan wajib berdaftar dengan Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari yang memainkan peranan sama seperti Majlis Perubatan Malaysia.

Antara bidang yang dimasukkan di bawah akta tersebut ialah perubatan Melayu seperti perubatan berasas herba dan urutan, perubatan tradisional Cina seperti akupunktur, moxibustion dan Qi Gong serta perubatan tradisional India iaitu ayurveda, siddha dan yoga.

Selain itu, pengamal perubatan Islam termasuk tukang urut dan bidan juga wajib berdaftar dengan majlis tersebut.

Persidangan Dewan Rakyat bersambung esok.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=697633>